

Headline	Institut memandu penting bantu rakyat, negara capai ekonomi tinggi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	03 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	7	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	346 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,244
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 6,731



Institut memandu penting bantu rakyat, negara capai ekonomi tinggi

KUCHING: Institut memandu memainkan peranan penting dalam membantu rakyat dan negara mencapai ekonomi tinggi.

Pengarah Urusan Institut Memandu WJ-Wego Sdn Bhd Chai Chiap Lim berkata, industri memandu di negeri ini telah bermula sejak jajahan British.

Pada penghujung tahun 1990, kerajaan mewujudkan institut memandu dengan satu sistem pengajaran standard bagi orang ramai mendapatkan lesen.

“Melihat kepada keperluan ini, pada tahun 2000 Institut Memandu WJ-Wego Sdn Bhd telah ditubuhkan bagi memenuhi permintaan industri ini.

“Selama 17 tahun ini, kita telah melahirkan ramai pemandu dan telah membantu melonjakkan lagi ekonomi negara.

“Saya berharap institut ini akan terus berkembang maju seiring dengan perkembangan teknologi semasa,” katanya pada Majlis Makan Malam Ulang Tahun ke-17 institut berkenaan di Pusat Konvensyen Borneo Kuching (BCKK) di sini, malam kelmarin.

Majlis itu pada mulanya dijadual dihadiri oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, namun beliau



RAIKAN BERSAMA: Chai (tiga kiri), Mahdi (lima kiri), Pemanca Voon (enam kiri) bersama yang lain memotong kek ulang tahun ke-17 Institut Memandu WJ-Wego Sdn Bhd pada majlis di BCKK malam kelmarin.

tidak dapat hadir pada saat akhir atas komitmen lain.

Wan Junaidi merupakan individu penting kepada kejayaan penubuhan institut itu sebelum dilantik sebagai timbalan menteri diikuti menteri penuh dalam kabinet Malaysia.

Pada majlis itu, Chai menggesa semua tenaga pengajar

serta kakitangan institut agar terus bekerja sebagai sebuah keluarga.

Beliau turut mengingatkan mereka agar mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Pada tahun 2015, katanya, institut itu dipersijilkan den-

gan status ISO dan diperbaharui sebanyak dua kali.

Institut, katanya, akan terus berusaha pada masa hadapan untuk dinaik taraf kepada status lima bintang oleh JPJ.

Turut hadir ahli Lembaga Pengarah Wan Mahdi Wan Mohabar dan Pemanca Voon Kim Fah yang juga Pengerusi Institut WJ-Wego Sdn Bhd.